

06/09/2003

Ketua Kumpulan Azhar dakwa Kerabat Raja Sakti

Norbakti Alias; Faiza Zainuddin; Omar Osman

SUNGAI PETANI: Ketua Kumpulan Azhar Wahab, yang ajarannya diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan kerana menyeleweng, dikatakan hidup penuh bergaya termasuk menjadikan kuning sebagai warna rasmi untuk rumah dan empayar perniagaannya.

Malah, beliau juga dikatakan sering menyuarakan cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini, kepada pengikutnya.

Sebuah kereta Mercedes Benz berwarna keemasan miliknya dipasang plet besar berwarna kuning dengan perkataan 'Kerabat Raja Sakti' dan menggunakan nombor pendaftaran Pulau Pinang.

Selain itu, dia juga dikatakan memiliki sebuah lagi kereta yang tertulis perkataan 'Kerabat Raja Jembal', gelaran awal digunakannya sebelum 'Kerabat Raja Sakti'.

Azhar, yang dikenali pengikutnya dengan nama 'tok ayah' atau 'ayahanda' sering keluar dengan menaiki kereta berkenaan sambil diiringi enam penunggang motosikal berkuasa besar yang bertindak seperti polis trafik pengiring.

Beliau yang menggunakan Taman Amanjaya di sini sebagai markas perniagaan dan pengikutnya turut memiliki Maahad Tahfiz Al-Mansur Bistari yang menempatkan anak-anak kakitangannya serta yang dihantar ibu bapa lain, untuk belajar agama.

Kumpulan yang diasaskan pada 1998 itu adalah serpihan Kumpulan al-Arqam. Pada peringkat permulaan, ia menonjolkan perniagaan perubatan tradisional dan urut refleksologi untuk mendapatkan pengikut.

Kelmarin, Majlis Fatwa Kebangsaan mengharamkan ajaran kumpulan itu kerana pegangan dan amalannya menyeleweng daripada ajaran Islam selain kembali menghidupkan ajaran Aurad Muhammadiyah yang disebarkan al-Arqam sebelum ini.

Tinjauan di banglo dua tingkat Azhar di Taman Amanjaya mendapati kereta mewahnya berada dalam kawasan rumah, manakala beberapa kereta lagi ditutup dengan kain kanvas yang diletakkan di beberapa rumah berdekatan.

Ada juga beberapa motosikal berkuasa besar ditutup kain kanvas di belakang sebuah banglo berwarna kuning berhampiran, dipercayai milik pengikutnya.

Beberapa penduduk berkata tiada pergerakan mendadak kumpulan berkenaan, malah keadaan mereka seperti biasa.

"Saya tak pasti sama ada ketuanya ada di rumah atau tidak tapi keadaan sekarang ini adalah sama seperti kebiasaan. Hanya jika ketuanya keluar baru agak riuh sedikit kerana motosikal berkuasa besar akan mendahului rombongan selain menghalang lalu lintas bagi memberi laluan kepada kereta bos," kata seorang pengikutnya, yang enggan dikenali.

Di Maahad Tahfiz Al Mansur Bistari, kira-kira 200 meter dari rumah Azhar, pelajarannya meneruskan pengajian walaupun ajarannya sudah diisytiharkan haram.

Pelajar sekolah tahfiz ini sering digunakan kumpulan itu untuk mendapatkan sumbangan orang ramai, khususnya di kawasan awam.

Bagaimanapun, beberapa penduduk menyatakan tiada pelajar sekolah berkenaan yang mengutip sumbangan sejak beberapa hari lalu.

"Selalunya mereka berkeliaran sekitar bandar ini, terutama di kompleks beli-belah. Van mereka juga tidak kelihatan lagi kerana sering datang untuk menurun dan mengambil pelajar yang ditinggalkan untuk mengutip

derma," kata seorang guru sekolah.

Ibu kepada seorang pengikut setia kumpulan itu pula berkata, hasrat Azhar untuk menjadi Perdana Menteri sering disampaikan kepada rakan terdekat khususnya kepada pengikut setia, yang majoritinya bekas ahli kumpulan al-Arqam.

"Semua ahli begitu mempercayai dan menghormatinya yang dipanggil ayahanda atau `yang mulia' tanpa membantah sedikit pun. Jika saya mempersendakan kata-kata itu, anak saya marah kerana dia begitu taksud dengan kehebatan Azhar menerusi didikan ajarannya selama ini.

"Oleh itu, saya tidak berani hendak kutuk sebarang biarpun menyedari apa yang disampaikan Azhar kepada pengikutnya tidak betul," katanya.

Wanita itu, yang tidak mahu namanya dan anaknya disiarkan berkata, beliau sedih kerana niat baiknya menghantar anak ke sekolah belajar agama di rangkaian sekolah Al-Mansur Holdings di Negeri Sembilan menjadi sebaliknya.

"Anak saya di sana bukan belajar malah disuruh bekerja menjual pelbagai barangan seperti kopi di seluruh tempat negara ini bermula dari kuliah subuh hingga ke malam.

"Walaupun dia tidak mengeluh kerana menghormati ketuanya, naluri saya sebagai ibu tersentuh melihat keadaannya yang baru memasuki tingkatan empat diperlakukan sedemikian rupa," katanya.

Beliau berkata, walaupun sudah banyak kali menasihatkan anaknya itu berhenti dari sekolah berkenaan, tapi dia menolak kerana takut.

"Pada peringkat permulaan belajar, saya gembira kerana anak saya taat pada ajaran agama, tapi sejak akhir-akhir ini, saya perasan agak menyeleweng.

"Ini kerana, jika anak saya membantah tindakan mereka, dia dikenakan tindakan dam seperti menarik balik kemudahan yang ditawarkan di sekolah itu seperti telefon bimbit," katanya.

Setelah berusaha pelbagai kali termasuk berbincang dengan Azhar, beliau berkata, anaknya dilepaskan dari sekolah berkenaan dan kini meneruskan pelajaran di sekolah menengah swasta di sini, bagi mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).